

CNS0929

R CB 19-08 00163 BA668

aab

Mahathir - Celar

KOTA KINABALU, 19 Ogos (Bernama) -- Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, akan dianugerahi gelaran +Wira Nusa Raya+ oleh UMNO Sabah sebagai menghargai jasa-jasanya kepada negeri ini.

Timbalan Pengerusi Jawatankuasa Perhubungan UMNO Sabah, Tun Datu Mustapha Datu Harun mengumumkan pada wawancara khas dengan RTM di sini bahawa gelaran itu dianggap amat sesuai untuk menghargai jasa dan perjuangan Dr Mahathir.

Katanya, Dr Mahathir adalah seorang tokoh yang tidak ada tolok-bandingnya dan sumbangannya kepada kesejahteraan negeri Sabah tidak ternilai dan wajar diberi penghargaan tinggi.

Perdana Menteri, yang dijadualkan akan mengadakan lawatan dua hari ke Sabah pada 11 dan 12 Sept ini, akan diraikan dan disambut meriah.

Tun Mustapha berkata, beliau sendiri akan menyarungkan +Selendang Wira Nusa Raya+ kepada Perdana Menteri pada satu majlis kesyukuran kemenangannya pada pilihan raya kecil negeri di Usukan pada 11 Mei lepas iaitu kemenangan Umno yang pertama pada pilihan raya di Sabah. -- Lagi

♥19/08/20-45MST

CNS0932

R CB 19-08 00083 BA669

aab

Mahathir - Celar 2 Kota Kinabalu

Upacara itu akan diadakan di Usukan pada 12 Sept dan lebih 10,000 orang dijangka akan menghadirinya.

Tun Datu Mustapha berkata, Datuk Seri Dr Mahathir juga akan diberi anugerah kehormatan masyarakat Bajau berupa sebilah keris dan +sigah+ (tanjak) kaum Bajau.

Sempena lawatan itu, Perdana Menteri juga akan merasmikan batu peringatan kemenangan calon Umno pertama pada pilihan raya di Sabah, sekaligus menandai masuknya UMNO ke negeri ini. --Bernama

♥19/08/20-46MST